



Hotel Rasmi



Penyiar Rasmi

UNTUK EDARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

AIM 22 MEMPERKENALKAN 5 KATEGORI ANUGERAH BARU DAN MENGGUGURKAN 1 KATEGORI!

29hb Jun 2016, Kuala Lumpur - Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM) hari ini melancarkan edisi ke 22 Anugerah Industri Muzik (AIM), majlis anugerah paling berprestij dalam industri seni muzik tanahair di mana tarikh pembukaan pencalonan, tempoh kelayakan, syarat kelayakan dan kriteria untuk setiap kategori anugerah yang dipertandingkan telah diumumkan. Majlis pelancaran tersebut yang diadakan di Plaza Grand Ballroom, PARKROYAL Kuala Lumpur dihadiri oleh para media, wakil-wakil penaja utama, hotel rasmi, syarikat bebas yang mengendalikan proses penjurian, juruaudit rasmi dan ahli majlis RIM. Buat julung kalinya, AIM 22 memperkenalkan 5 kategori anugerah baru iaitu 'Lagu Muat-Turun Paling Tinggi', 'Lagu Strim Paling Tinggi', 'Video Muzik Rasmi Paling Tinggi Ditonton di YouTube', 'Lagu Nada Dering Pemanggil Jualan Terbaik' dan 'Penyanyi Malaysia Terbaik'.

Sejak tahun 1993, AIM dikenali sebagai versi tempatan majlis anugerah ternama Amerika Syarikat, Grammy Awards memandangkan ianya adalah satu-satunya majlis anugerah yang memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada hasil kerja semua bakat-bakat seni di dalam industri muzik tempatan termasuk penyanyi, komposer, penulis lirik, penerbit dan pereka berdasarkan merit dan kualiti. Disamping itu, penganjuran AIM juga membantu untuk melonjakkan kualiti hasil kerja penggiat-penggiat seni

tanahair dan menjadi pemangkin kepada pembangunan industri muzik tempatan. **"Kemuncak Segala-Galanya!"** cukup sinonim dengan AIM sebagai **'tagline'** rasmi bagi majlis berprestij yang ditunggu-tunggu saban tahun ini.

"Kami amat berbangga kerana dapat menganjurkan sekali lagi acara anugerah yang sememangnya dinanti-nantikan seluruh warga industri muzik tempatan setiap tahun. Kita telah bergerak jauh sejak AIM pertama pada tahun 1993 dan AIM kini semakin matang seiring dengan usia ke-22 penganjurannya", kata Rosmin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Penganjur AIM.

“Sepanjang sejarah gemilang penganjurannya, kita telah menjadi saksi kepada kemenangan membanggakan pelbagai artis, komposer, penulis lirik, penerbit dan lain-lain bakat seni yang telah berjaya mengenggam trofi AIM yang menjadi dambaan semua penggiat-penggiat industri muzik tempatan. Penambahan 5 kategori baru berasaskan jualan dan pilihan ramai mengiktiraf pula sumbangan besar syarikat-syarikat rakaman yang menghidupkan industri muzik tempatan dan memberi peluang kepada orang ramai untuk terlibat dengan lebih dekat lagi dengan AIM melalui penjurian awam untuk kategori anugerah ‘Penyanyi Malaysia Terbaik’”, tambah Encik Rosmin Hashim lagi. Manakala kategori anugerah, ‘Lagu Bahasa Melayu Terbaik yang dipersembahkan oleh Artis Luar Negara’ digugurkan tahun ini untuk memberi tumpuan yang lebih kepada pengiktirafan artis-artis tempatan.

Ujar Encik Rosmin lagi, “RIM mengucapkan jutaan terima kasih kepada **Sweedskin** yang merupakan penaja utama anugerah AIM 22. Tidak dilupakan kepada **Astro Ria**, stesen penyiar rasmi AIM 22 dan **PARKROYAL Kuala Lumpur** yang menjadi hotel rasmi AIM 22”.

Beliau kemudiannya mengumumkan hal-hal berkenaan tarikh pembukaan pencalonan, tempoh dan syarat kelayakan, kategori anugerah dan kriteria serta proses penghakiman.

Syarat Kelayakan dan Tempoh Pencalonan

Pencalonan untuk anugerah AIM 22 tahun ini dibuka untuk Lagu/Album dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris yang telah dikeluarkan di Malaysia dari 1 Julai 2014 hingga 30 Jun 2016. Tempoh pencalonan dibuka pada hari Rabu, 29 Jun 2016 dan akan berakhir pada hari Jumaat, 29 Julai 2016 tepat jam 5.00 petang. Borang-borang pencalonan telah diedarkan kepada semua ahli-ahli RIM dan juga boleh dimuat turun di www.aim.org.my.

Kategori-kategori Anugerah

Senarai penuh 24 kategori anugerah yang dipertandingkan tahun ini ialah seperti berikut:

1. Artis Baru Terbaik
2. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)
3. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Wanita)
4. Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Berkumpulan)
5. Persembahan Vokal Duo/Kolaborasi Terbaik Di Dalam Lagu
6. Kulit Album Terbaik
7. Rakaman Album Terbaik
8. Video Muzik Terbaik
9. Lagu Pop Etnik Terbaik
10. Lagu Nasyid Terbaik
11. Lagu Rock Terbaik
12. Lagu Pop Terbaik
13. Lagu Hip Hop Terbaik
14. Lagu Inggeris Tempatan Terbaik
15. Anugerah Kembara
16. Anugerah Sri Wirama
17. Susunan Muzik Terbaik Di Dalam Lagu
18. Lagu Terbaik
19. Album Terbaik
20. Lagu Muat Turun Paling Tinggi (BARU)
21. Lagu Strim Paling Tinggi (BARU)
22. Video Muzik Rasmi Paling Tinggi Ditonton di YouTube (BARU)
23. Jualan Lagu Nada Dering Pemanggil Paling Tinggi (BARU)
24. Penyanyi Malaysia Terbaik (BARU)

Bagi kategori ‘Lagu Muat Turun Paling Tinggi’, ‘Lagu Strim Paling Tinggi’ dan ‘Jualan Lagu Nada Dering Pemanggil Paling Tinggi’, wakil-wakil syarikat rakaman diperlukan untuk menghantar satu pencalonan sahaja berdasarkan penjualan tertinggi lagu-lagu milik mereka di semua pelantar digital berkenaan. Semua keputusan akan diaudit oleh RIM dan/atau juruaudit bertauliah yang dilantik oleh RIM.

Bagi kategori ‘Video Muzik Rasmi Paling Tinggi Ditonton di YouTube’, hanya video rasmi dari album/single syarikat rakaman layak dipertandingkan. Video Muzik ini mestilah dimuat-naik oleh syarikat rakaman atau artis-artis menerusi saluran rasmi YouTube mereka. Jumlah tontonan video muzik rasmi akan disahkan oleh pihak RIM dengan YouTube.

Buat julung kalinya, satu kategori pilihan ramai diwujudkan iaitu kategori ‘Penyanyi Malaysia Terbaik’ di mana orang ramai diberi peluang untuk menjadi juri awam untuk menilai penyanyi yang mereka rasakan layak untuk memenangi anugerah tersebut. Penyanyi yang tersenarai dalam Top 5 untuk kategori ‘Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Lelaki)’ dan ‘Persembahan Vokal Terbaik Di Dalam Lagu (Wanita)’ secara automatik layak bertanding untuk kategori ini. Mekanisma juri awam membuat pemilihan akan diumumkan dalam sidang media ke-2 AIM 22 pada bulan Oktober nanti.

Penghakiman Anugerah

Seperti tahun-tahun sebelum ini, RIM mengekalkan sistem penghakiman di mana satu panel hakim yang terdiri dari penggiat-penggiat seni muzik tanahair dan pakar-pakar dalam bidang yang berkaitan dilantik untuk membuat penilaian dan mengadili pencalonan-pencalonan yang dihantar. Panel hakim ini akan diketuai oleh seorang Ketua Juri yang berpengalaman dan dihormati. Keputusan 5 Calon Akhir AIM 22 dijangka akan diumumkan dalam bulan Oktober 2016.

PERSATUAN INDUSTRI RAKAMAN MALAYSIA (RIM)

RIM ialah sebuah persatuan perdagangan industri yang ditubuhkan untuk mewakili syarikat-syarikat rakaman tempatan di Malaysia. Ianya kini mewakili lebih daripada 400 syarikat dan perniagaan rakaman tempatan yang terlibat di dalam pengeluaran, pengilangan dan pengedaran rakaman bunyi, video muzik dan karaoke tempatan dan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut mengenai RIM, sila layari www.rim.org.my

Untuk maklumat lengkap mengenai kriteria dan borang pencalonan AIM, sila lawati www.aim.org.my

Pertanyaan Media:

Samirah Hambali
Event & Communication Division
Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM)
No. L-8-2, Tingkat 8, Blok L, No. 2, Jalan Solaris,
Solaris Mont' Kiara,
50480 Kuala Lumpur.
Tel : 019-2975260
Email : samirahaim22@gmail.com

SWEEDSKIN

Sweedskin adalah produk keluaran tempatan berfungsi sebagai set penjagaan wajah yang lengkap. Terdiri daripada tujuh produk iaitu Pencuci Pembersih Bersinar (Luminous Purifying Cleanser), Semburan Pengaktif Kulit (Skin Activator Mist), Krim DD Pelindung Harian (DD Cream) dan empat jenis serum iaitu Serum Kawalan Sebum (Sebum Reducer Serum), Serum Pencerahan (Brightening Serum), Serum Pelembab Hidrasi (Hydration Moisturizer Serum), Serum Anti-Penuaan (Age Reversing Serum). Produk penjagaan wajah Sweedskin ini selamat digunakan tanpa bahan kimia yang berbahaya, selain itu, diformulasikan dari Eropah dengan bahan semulajadi yang berkesan, mesra kulit dan alam sekitar serta produk berkualiti dan inovatif dengan harga yang berpatutan.

Keistimewaan produk Sweedskin juga adalah bebas dari Sembilan bahan terlarang yang berbahaya untuk kulit. Sembilan bahan terlarang tersebut ialah bahan pengawet, silicon, bahan lanoline, bahan komedogenik, bahan dari sumber haiwan, minyak mineral, bahan pewarna dan alkohol. Ini menjadikan Sweedskin salah satu produk penjagaan wajah semulajadi yang sesuai untuk semua golongan, peringkat umur dan semua jenis kulit. Untuk maklumat lebih lanjut sila ayari laman web rasmi Sweedskin di www.sweedskin.com

ASTRO RIA DAN RIA HD

Tahun ini Astro RIA (Saluran 104) dan Ria HD (Saluran 123) sekali lagi dilantik sebagai rakan penyiar rasmi untuk penganjuran AIM bagi edisi yang ke 22.

Dato' Khairul Anwar Salleh, Ketua Bahagian Perniagaan Melayu Astro berkata, "Astro selaku rakan penyiar rasmi amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama memeriahkan industri muzik tanahair dengan berkongsi kegemilangan acara berprestij ini dengan para penonton menerusi rangkaian saluran kami iaitu Astro Ria dan Ria HD.

Menerusi perjanjian yang telah termeterai ini, kami akan terus memberikan promosi yang meluas sekaligus memartabatkan majlis penganugerahan industri muzik terbesar di Malaysia yang amat dinantikan oleh rakyat negara ini.

Acara AIM penuh berprestij yang pernah disiarkan secara langsung menerusi saluran Astro Ria sebelum ini ternyata mendapat sambutan dan maklum balas yang sangat memberangsangkan daripada penonton.

Semoga penganjuran AIM 22 ini dapat memberi semangat kepada para penggiat seni muzik untuk terus menghasilkan karya yang bermutu tinggi."

**STAY IN COMFORT AND STYLE
AT PARKROYAL KUALA LUMPUR
WHILST CONNECTING TO THE LOCAL CULTURE**

A Winning Combination of Comfort and Convenience

PARKROYAL KUALA LUMPUR

Hotel Rasmi AIM 22. "Tak mungkin hilang, Irama dan Lagu, Bagaikan Kembang, Sentiasa Bermadu". Buat kali pertama, PARKROYAL Kuala Lumpur bangga dapat bekerjasama dengan AIM (Anugerah Industri Muzik) sebagai Hotel Rasmi. Ini merupakan titik sejarah bagi pihak Hotel sebagai tanda sokongan kami pada Industri Muzik Tanahair. Ini juga tanda penghargaan untuk segala hasil titik peluh komposer komposer, penulis lirik, penyanyi penyanyi, malah semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung disebalik tabir. PARKROYAL Kuala Lumpur sekali lagi mengucapkan Syabas dan tahniah pada semua. Semoga silaturahim yang terjalin, sokongan kami akan mewarnai lagi Industri Muzik Tanahair.